

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Saya akan lulus sebarang keputusan — Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan meluluskan sebarang keputusan yang dibuat oleh Pemuda UMNO mengenai had umur jawatan ketua Pergerakan itu.

“Saya sudah pasti akan menerima bila-bila sahaja Majlis Kerja Pemuda UMNO untuk memutuskan

had umur bagi jawatan ketuanya,” kata Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO.

Mengulas cadangan anggota Exco Pergerakan itu, Encik Tamrin Ghafar, supaya dikenakan had umur bagi jawatan itu, beliau berkata, Perlembagaan UMNO pada suatu masa dulu ada menetapkan had umur 40 tahun bagi ja-

watan Ketua Pergerakan Pemuda.

Tetapi oleh kerana cadangan baru telah dibuat, ia akan dibincangkan di dalam Majlis Tertinggi UMNO untuk mendapatkan kelulusan sebarang suara, tambahnya.

Keputusan itu bermakna Perlembagaan UMNO pada masa ini yang memperuntukkan Ketua Pemuda UMNO dipilih tanpa

had umur terpaksa dipinda.

Encik Tamrin yang juga Pengerusi Biro Perumahan berkata, had umur 40 tahun akan membolehkan pemimpin barisan pelapis mengetuai Pergerakan Pemuda.

Cadangan itu dijangka dibentangkan di mesyuarat Majlis Kerja Pemuda UMNO pada 24 Januari ini.